

05/05/1998

Selangor miliki 20 peratus ekuiti POEM

SHAH ALAM, Isnin - Kerajaan Selangor melalui anak syarikatnya, Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) memiliki 20 peratus ekuiti Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM), anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang mengeluarkan kereta elektrik Malaysia pertama.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, berkata kerajaan negeri berminat untuk memiliki ekuiti dalam POEM selepas dipelawa berbuat demikian oleh TNB.

Mac lalu, kerajaan Selangor bersetuju memberikan tanah seluas 40 hektar di Salak Tinggi milik PNSB kepada POEM untuk membuka kilang keduanya dalam usaha meningkatkan pengeluaran pelbagai jenis model kereta elektrik.

POEM yang dilancarkan tahun lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah kenderaan elektrik pertama buatan Malaysia dan diisytiharkan sebagai Eleksuria.

Kereta jenis `buggy' dan berkonsepkan mesra alam itu dihasilkan oleh POEM dengan usaha sama Frazer-Nash Research Ltd (FN) dari United Kingdom.

Sebelum ini, TNB memiliki 50 peratus ekuiti manakala FN 40 peratus dan masing-masing lima peratus oleh tokoh korporat tempatan Datuk Mohd Nadzmi Mohd Salleh dan Tan Sri Basir Ismail.

Kereta elektrik itu berjaya menarik minat jutawan terkemuka Mesir, Mohamed Al Fayed yang membeli 500 unit kereta bernilai RM26 juta melalui syarikatnya Harrods.

(END)